



SIARAN MEDIA

BUDGET TALK WITH KM: SESI LIBAT URUS MEDIA BERSAMA YB TUAN NGA KOR MING

KUALA LUMPUR, 24 Oktober 2024 – YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menghadiri *Budget Talk* atau Sesi Libat Urus bersama Media sempena Belanjawan KPKT 2025 petang ini.

Sesi libat urus ini bertujuan memperjelaskan kepada media tentang agihan **belanjawan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tahun 2025 yang berjumlah RM5.934 bilion**. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM3.962 bilion** adalah **Peruntukan Pembangunan** dan **RM1.971 bilion** adalah **Peruntukan Mengurus**. Belanjawan KPKT ini **meningkat sebanyak 5.08 peratus** atau RM287.4 juta berbanding tahun 2024 iaitu sebanyak RM5.647 bilion.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, tema Belanjawan 2025 tahun ini adalah **"Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat"** mencerminkan kepercayaan Kerajaan kepada KPKT untuk mengembleng tenaga dan usaha bagi mensejahteraan kehidupan rakyat.

Terdapat 11 fokus utama KPKT dalam mengagihkannya Belanjawan 2025.

Fokus 1: Skim Jaminan Kredit Perumahan dan Pelepasan Cukai Bayaran Faedah Pinjaman Perumahan

- **RM10 bilion** untuk Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bagi membantu 20,000 pembeli rumah.

- Sehingga **RM7,000** pelepasan cukai bagi bayaran faedah pinjaman perumahan kepada pembeli rumah pertama bagi kediaman di bawah RM500,000 selama tiga tahun.
- Pelepasan cukai sehingga **RM5,000** akan diberikan bagi kediaman yang berharga melebihi RM500,000 hingga RM750,000.
- Inisiatif ini terpakai kepada perjanjian beli rumah **dari 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.

Fokus 2: Program Residensi Rakyat (PRR) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR)

- **RM 900 juta** untuk 48 Program Residensi Rakyat (PRR), 14 projek Rumah Mesra Rakyat (RMR), dan 3 projek baru (600 unit) iaitu Pembangunan Perumahan Inklusif Madani (PIM), PRR Kampung Linggi, Port Dickson dan PRR Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
- Kenaikan kadar siling bina baharu daripada **RM75,000 kepada RM90,000**
- Kenaikan kadar siling baik pulih rumah rakyat daripada **RM10,000 hingga RM20,000**.

Fokus 3: Penyelenggaraan Rumah Strata Kos Rendah dan Sederhana (Penggantian Lif)

- **RM185 juta** untuk penyelenggaraan rumah strata kos rendah dan sederhana termasuk RM88.1 juta untuk penggantian lif-lif usang.

Fokus 4: Pembinaan Pasar Awam dan Gerai MADANI

- **RM54.4 juta** untuk membina dan membaik pulih gerai dan prasaranan pasar awam di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- KPKT juga merancang membina gerai di Kluang, Johor dan Kota Bharu, Kelantan.

Fokus 5: Pembinaan Taman MADANI

- **RM100 juta** untuk naik taraf 100 buah Taman Awam MADANI, landskap di bandar dan pekan kecil.

Fokus 6: Penaiktarafan Longkang dan Parit

- **RM200 juta** untuk pembersihan dan menaik taraf longkang dan parit. RM150 juta daripadanya akan digunakan dalam tempoh dua (2) bulan akan datang untuk mengurangkan risiko banjir sebelum musim monsun melanda.

Fokus 7: Peruntukan untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

- **RM202.8 juta** diperuntukkan untuk JBPM
- RM16.27 juta daripadanya akan digunakan untuk menyelenggara dan membaik pulih kuarters anggota JBPM.
- RM 3 juta daripadanya diperuntukkan untuk membaik pulih Balai Pegawai Bomba Sukarela (PBS).
- **RM67.498 juta** diperuntukkan untuk aktiviti penguatkuasaan dan *Search & Rescue* melibatkan anjing K9 dan Bomba.

Di bawah Rolling Plan Kelima Tahun 2025, pihak JBPM telah diluluskan **70 projek** dengan kos projek berjumlah **RM1,092,779,707** merangkumi perincian berikut:

- 22 Projek Baharu berjumlah RM391,575,000
- 48 Projek Sambungan berjumlah RM701,204,707

lanya juga diterjemahkan melalui pembinaan enam (6) buah balai bomba baharu dengan peruntukan sebanyak **RM66.8 Juta** seperti berikut:

- Balai Bomba dan Penyelamat Desa Petaling, Kuala Lumpur
- Balai Bomba dan Penyelamat Bandar Enstek, Negeri Sembilan
- Balai Bomba dan Kuarters Engkelili, Sarawak
- Balai Bomba dan Penyelamat Dalat, Sarawak
- Balai Bomba dan Penyelamat Sepanggar, Sabah
- Balai Bomba dan Kuarters Kota Kemuning, Selangor

Sejumlah **250 unit kediaman kuarters** berjumlah **RM174.1 juta** di lokasi seperti berikut:

- 130 Unit Kuarters BBP Kota Kemuning, Selangor
- 48 Unit Kuarters Paya Terubong, Pulau Pinang
- 72 Unit Kuarters Labuan

Perolehan **231 kenderaan baharu** dengan peruntukan berjumlah **RM40 Juta** seperti berikut:

- Perolehan 200 Unit Kenderaan Ringan Operasi Bagi Kegunaan Kecemasan dan Kerja Lasak.
- Perolehan 26 Unit *Light Fire Forensic Vehicle* (LFFV).
- Perolehan Penggantian lima (5) Unit Jentera Khas K9 (*Canine Rescue Tender*).

Penggantian peralatan *Personal Protective Equipment* (PPE) berjumlah **RM9.7 Juta** seperti berikut:

- Perolehan Penggantian 2,000 unit Tabung *Breathing Apparatus* (BA)
- Perolehan 4,000 unit *Fire Fighting Helmet* berserta Aksesori

Penyelenggaraan kenderaan melibatkan peruntukan berjumlah **RM33.69 juta** seperti berikut:

- Penyelenggaraan Kenderaan Bomba
- *Refurbishment* 82 unit Kenderaan Angkut Berat Hicom Handalan
- *Recondition* 172 kenderaan pengoperasian

Penyelenggaraan besar / naik taraf balai bomba dan penyelamat (BBP) berusia lebih 50 tahun berjumlah **RM 31.7 Juta** seperti berikut:

- Pembinaan Semula BBP Banting, Selangor
- Pembinaan Semula BBP Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Pembinaan Semula dan Ubah Suai Sebahagian BBP Kuantan, Pahang.

Fokus 8: Pengurusan Sisa Pepejal sebagai Lestari Park

- **RM327.5 juta** untuk projek baharu pengurusan sisa pepejal, termasuk projek penutupan selamat tapak pelupusan sisa pepejal di Krubong, Melaka; Pontian, Johor; dan Tampin, Negeri Sembilan.

Fokus 9: Ekonomi Kitaran

Pelepasan cukai bagi pembelian mesin kompos sisa makanan untuk kegunaan isi rumah sehingga tahun taksiran 2027, bagi menggalakkan industri berasaskan kompos dan menyokong usaha pengurangan sisa makanan.

Fokus 10: Pembangunan Bandar Pintar

- **RM15 juta** untuk pembangunan bandar pintar iaitu:
 - o Projek Penarafan Bandar Pintar Malaysia - RM 14.6 juta
 - o Kajian Blueprint Bandar Pintar Negara (National Smart City Blueprint) - RM500,000.

Fokus 11: Pembangunan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)

- **RM 50 juta** untuk kerja penyelenggaraan dan pembaikan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) seperti kuil, tokong, dan gereja.

Menerusi inisiatif-inisiatif belanjawan ini, KPKT bertekad memastikan sektor perumahan berkembang dan kekal mampu milik supaya setiap rakyat Malaysia memiliki rumah idaman sendiri seiring motto “Rumahku, Syurgaku.”

KPKT juga berhasrat memajukan pembangunan secara mampan dengan mengurangkan risiko banjir melalui penaiktarafan sistem longkang dan perparitan, memperkuat pasukan bomba kita, serta meningkatkan pembangunan bandar pintar. Melalui pendekatan holistik ini, KPKT akan memastikan bahawa kesejahteraan rakyat Malaysia dipelihara. Tiada yang tertinggal, tiada yang terpinggir.

Turut hadir pada sesi libat urus ini ialah, YBhg. Datuk Wira M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampanan dan Perancangan Strategik) KPKT; YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; Ketua-ketua jabatan, Setiausaha-setiausaha bahagian KPKT, jabatan dan agensi.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

